

MRT Corp selesai agih pakej SSP RM1.23b

KUALA LUMPUR 6 Nov. - Mass Rapid Transit Corporation Sdn. Bhd. (MRT Corp.) telah selesai menganugerahkan enam pakej pembinaan stesen bertingkat MRT laluan Sungai Buloh-Serdang-Putrajaya (SSP) yang bernilai RM1.23 bilion.

Ketua Pegawai Eksekutifnya, Datuk Seri Shahril Mokhtar berkata, semua pakej tersebut diberikan semasa Mesyuarat Jawatankuasa Perolehan Se-henti yang dipengerusikan oleh Menteri Kewangan II, Datuk Seri Johari Abdul Ghani pada September dan Oktober lalu.

Menurut beliau, kesemua pakej kerja itu adalah subkontrak yang dipilih di bawah pakej jambat masing-masing.

“Syarikat yang berjaya mendapat tender ialah WCT Berhad, Apex Communication Sdn. Bhd., Ahmad Zaki Sdn. Bhd., S.

N. Akmida Sdn. Bhd., Acre Works Sdn. Bhd. dan Malaysian Resources Corporation Berhad (MRCB).

“Mereka bertanggungjawab untuk kerja pembinaan dan penyiapan stesen bertingkat serta kerja-kerja lain yang berkaitan,” katanya dalam kenyataan di sini hari ini.

Pembinaan MRT laluan SSP dilancarkan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak pada 16 September 2016 dengan fasa pertama laluan akan mula beroperasi pada Julai 2021 dan dijangka siap pada Julai 2022.

Kata Shahril, selain enam pakej tersebut pihaknya turut memberikan beberapa pakej bagi kerja-kerja lain yang bernilai



SHahril MOKHTAR

RM225.93 juta menerusi kategori terbuka.

Katanya, syarikat yang mendapat pakej itu ialah Global Rail Dom Industries (BMS201) Joint Venture, Eita Elevator (Malaysia) Sdn. Bhd. dan Rani-MS Engineering Sdn. Bhd..

“Projek MRT Lembah Klang menetapkan penanda aras yang tinggi dalam industri pembinaan. Saya

berharap syarikat yang pertama kali mendapat tender dapat belajar dengan cepat dan melaksanakan tugas mengikut panduan daripada MRT Corp. dan rakan pelaksana.

“Kesemua syarikat dipilih berdasarkan tender terbaik yang mana penilaian dibuat ke atas aspek teknikal, komersial, perundangan, kewangan dan Program Kerjasama Industri,” ujarnya.